

didapati kebanyakan madu tempatan yang didakwa asli oleh si penjual sebenarnya campuran atau sintetik.

Namun apa yang membimbangkan, hasil kajian itu turut mendapati perihal madu tiruan ini bukan sahaja 'memperdayakan' pengguna malah mendatangkan kesan negatif kepada sesiapa sahaja yang menggunakannya.

"Rata-rata madu yang didakwa asli ini menggunakan campuran gula pasir dan kandungannya ada yang mencecah 50 peratus sekali gus boleh menyebabkan penyakit kencing manis jika diambil secara berterusan.

"Malahan madu tiruan juga berisiko menjejaskan kesihatan termasuk peningkatan kandungan sukrosa serta merosakkan sel her-

sintetik yang dihasilkan di kilang menggunakan sirap jagung berfruktose tinggi, dicampur dengan asid pekat yang menghasilkan sejenis bahan dikenali sebagai hydroxymethylfurfuraldehyde (HMF).

"HMF menghasilkan sejenis toksik yang boleh menjejaskan sel herpa (hati) pengguna dan boleh menyebabkan kanser usus besar," katanya.

Hakikatnya, tidak kiralah madu lebah tiruan mahupun sintetik yang dihasilkan secara 'persendirian' di rumah atau kilang berteknologi tinggi, keduanya terdedah kepada kemudatan tersendiri.

Bagi pengguna yang tidak punya pengalaman lebih-lebih lagi mereka yang baru mahu mencuba

kenikmatan madu lebah, pastinya menjadi mangsa kerakusan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini.

Sekilas pandang, tiada siapa yang mampu membezakan manakah yang tulen atau tiruan. Warna, bau dan rasa yang tidak jauh beza, ditambah pula 'uji kaji' yang dijalankan si peniaga di depan khalayak bagi membuktikan ketulenan madu yang dijual, menyebabkan ramai



MADU tiruan yang dicampur dengan bahan lain boleh memberi kesan buruk pada kesihatan pengguna jika diambil secara berterusan dalam kuantiti yang banyak. - Gambar hiasan

pengguna terpedaya.

"Sehingga kini sudah lebih empat kali saya ditemberang oleh peniaga madu lebah. Peniaga yang menjual bermati-matian mendakwa madu mereka tulen, dibawa dari hutan dan tidak dicampur sebarang bahan tambahan," keluh seorang peminat madu lebah yang dikenali sebagai Yob, 34.

Ujarnya, peniaga-peniaga madu lebah sejak kebelakangan ini semakin berani memperdaya pengguna malah terlalu banyak 'taktik' campuran digunakan bagi menampilkan madu mereka kelihatan tulen.

Apa yang pasti, ketika tinjauan

dijalankan terhadap madu lebah tiruan di sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka baru-baru ini, beberapa taktik yang digunakan untuk mengaburi mata pelanggan berjaya dibongkar.

Ada yang sanggup mencampurkan madu tulen dengan air, gula pasir halus, gula melaka bagi menguatkan rasa dan kelikatan, malah tidak kurang juga yang cuba 'memanaskan' madu seolah-olah masih baru diperolehi daripada sarang.

Selain itu, faktor harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga terhadap 'madu tulen' mereka turut mengundang persoalan.

Secara logik, manakan 'madu tulen' yang diperolehi daripada sarang nun jauh di ceruk pedalaman ketika ini dijual dengan hanya RM7 hingga RM10 bagi setiap botol (satu liter) namun itulah 'nilai' yang diletakkan oleh sebahagian besar peniaga madu tiruan.

Justeru, sampai bilakah pengguna akan terus menjadi mangsa dan mungkinkah beberapa tips mudah untuk menentukan ketulenan madu lebah yang dibeli boleh membantu mereka?

Biarlah madu yang dibeli benar-benar mendatangkan khasiat, bukannya mudarat.

UBAT SAKIT PERUT PIL CHI-KIT TECK AUN

UNTUK : SAKIT PERUT, CIRIT-BIRIT DAN
MUNTAH-MUNTAH YANG RINGAN, MABUK
PERJALANAN DAN MAKANAN TIDAK HADAM.

KILANG PERUBATAN GMP



K.K.L.I.U. 1103/2005/AFGK
EAGLE & PAGODA BRAND TECK AUN MEDICAL FACTORY
686, JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK,
14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.